

BERSALIN KAEDAH PEMBEDAHAN

Untuk kelahiran normal tidak disarankan bagi mengurangkan transmisi virus

DARI MUKA 31

Menurut Dr Nur Azurah, terdapat pertanyaan daripada masyarakat mengenai risiko kepada ibu hamil untuk mendapatkan komplikasi atau keadaan perkembangan bayi tidak normal.

Namun Dr Nur Azurah berkata, ketika ini tidak banyak yang diketahui doktor mengenai pandemik itu dan kesannya kepada kehamilan.

Jelasnya dari apa yang diketahui, pandemik Covid-19 itu tidak menyebabkan kecacatan kepada bayi yang dikandung atau memberi sebarang komplikasi kehamilan kepada ibu.

"Bagaimanapun, wanita hamil yang positif Covid-19 akan dimasukkan ke wad untuk pemantauan rapi.

"Pemeriksaan kehamilan akan dilakukan mengikut jadual yang ditetapkan kerana jangkitan pandemik ini tidak memberi sebarang komplikasi tambahan pada kandungan berkenaan," katanya.

Dalam pada itu, ketika ditanya mengenai adakah suami dibenarkan menemani isteri (yang positif Covid-19) ketika bersalin, Dr Nur Azurah berkata, sekiranya wanita terbahit mempunyai tanda-tanda hendak bersalin, kaedah kelahiran yang disarankan adalah menjalani pembedahan caesarian.

Katanya, golongan terbahit lazimnya tidak disarankan bersalin normal bagi mengurangkan transmisi virus.

"Ketika melakukan pembedahan, doktor dan jururawat akan memakai peralatan perlindungan diri (PPE) yang lengkap.

"Selain itu, bilangan orang di dalam bilik bedah juga dihadkan bagi mengurangkan transmisi dan mengurangkan kadar penggunaan PPE. "Ini adalah salah satu sebab mengapa suami tidak dibenarkan masuk bersama ketika pembedahan dilakukan."



SENTUHAN kulit ke kulit bayi baru dengan ibu yang positif Covid-19 tidak dibenarkan (gambar hiasan)

katanya.

Dr Nur Azurah berkata, 63 peratus wanita hamil juga tidak menyedari bahawa mereka adalah positif Covid-19 kerana tidak mempunyai sebarang gejala.

Bagaimanapun, kata Dr Nur Azurah, sekiranya wanita terbahit didapati positif Covid-19, pembedahan masih akan diteruskan.

"Ramai yang merasa bimbang kerana bersangka pembedahan akan ditunda kerana dijangkiti Covid-19 sedangkan semua amfatan itu tidak besar.

"Apa yang bezanya adalah pembedahan akan dilakukan di dewan bedah khas untuk pesakit Covid-19 di mana semua kakitangan akan mengenakan pakaian PPE yang lengkap.

"Selepas selesai pembedahan, pembuangan sisa klinikal dan dewan bedah akan dicuci mengikut protokol keselamatan Covid-19," katanya.

Mengulas persoalan mengenai bolehkah ibu yang positif Covid-19 menyusui bayinya, Dr Nur Azurah berkata, kebiasaannya selepas bayi dikeluarkan dari rahim, bayi itu akan diletakkan di dada ibunya untuk tujuan 'skin to skin contact'.

Namun, untuk pembedahan caesarian wanita positif Covid-19, ia tidak dapat dilakukan bagi mencegah transmisi virus kepada bayi.

Malah kata beliau, bayi akan diasingkan secepat mungkin untuk mengurangkan pendedahan di dewan bedah.

"Bayi berkenaan akan dibawa ke bilik pengasangan di wad kanak-kanak dan akan disaring untuk Covid-19.

"Si ibu pula tidak dibenarkan menyentuh badan

selama dia masih positif Covid-19 namun akan diminta untuk mengempangi susu selepas pembedahan tetapi susu itu terpaksa dibuang.

"Proses pengempangan perlu bagi memastikan susu masih ada untuk diberi kepada bayi selepas si ibu sembuh sepenuhnya dari jangkitan Covid-19," katanya.

Sementara itu, Dr Nur Azurah berkata, semua perkhidmatan kesihatan terlesan dengan pandemik Covid-19 dan Perintah

Kawalan Pergerakan (PKP), iustera, bagi mengurangkan risiko transmisi virus, saringan dilakukan di setiap pintu masuk klinik selain suhu badan turut diperiksa.

Jelas beliau, hanya pesakit sahaja yang dibenarkan masuk bagi memastikan penjarakan sosial.

"Kebanyakan hospital turut mengambil langkah berjaga-jaga dengan tidak membenarkan kehadiran pelawat di hospital begitu juga di dewan bersalin.

"Selain itu, ketika proses bersalin terutama waktu meneran, adakalanya wanita akan melepaskan nafas dengan kuat dan air liur juga boleh tersedut keluar.

"Iati, bagi mengurangkan risiko jangkitan, doktor dan jururawat akan memakai pelindung muka yang sedikit sebanyak dapat mengurangkan risiko berdehan," katanya.



WALAUHUN wanita hamil mempunyai imuniti yang lebih rendah namun risiko untuk mendapat jangkitan Covid-19 adalah sama dengan mereka yang tidak hamil



DR Nur Azurah

LANGKAH pencegahan yang disarankan.



BAKTIkan
Jatuhkan secepat
MUNGKIL UJALA
Mengurangkan
pendedahan
di dewan bedah